

Biodata

PROFESOR EMERITUS DATUK DR. MAKHDZIR MARDAN

PENDIDIKAN:

- Diploma Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) 1974.
- Sarjana Muda (Perlindungan

Tanaman) Louisiana State University Amerika Syarikat (AS).

- Sarjana Sains (Entomologi) Louisiana State University (AS).
- Doktor Falsafah Apikultur dan Biologi Pendedungan (Guelph).

ANTARA JAWATAN

- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UPM (2000 -2003).
- Ketua Pegawai Eksekutif MPOA (2012-sekarang).



- Pengarah Urusan Braintree Technologies Sdn. Bhd.

PENCAPAIAN

- Terlibat dalam penyelidikan lebah sejak tahun 1976 dan menerima geran antarabangsa dan tempatan bernilai lebih RM 4.5 juta.
- Telah menghasilkan lebih 150 penerbitan.

Siapa Mengapa?



Oleh LAUPA JUNUS
laupa.junus@utusan.com.my

PROF EMERITUS DATUK DR MAKHDZIR MARDAN bukan asing dalam penyelidikan lebah tempatan. Berdasarkan pengalaman kira-kira empat dekad dalam penyelidikan tersebut membuatkan beliau yakin industri lebah mempunyai masa depan cerah. Namun, di sebalik itu, beliau memendam rasa kecewa, Kenapa? Ikuti luahan beliau.



Kajian lebah perlu diperhebat

Pakar lebah tempatan mahu pembiaya bantu industri

Datuk mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan lebah. Jelaskan secara ringkas?

Kepakaran saya adalah dalam bidang pendebungaan, lebah dan berkaitan dengannya yang melibatkan spesies lebah madu, lebah tualang, lebah tukang dan sebagainya. Pengkhususan saya mendalami aspek pengawalan suhu koloni lebah yang ada kaitan dengan perubahan iklim dan pembangunan lestari masa kini.

Saya agak kecewa kerana institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) lebih menekankan impak penyelidikan kepada penerbitan dan kurang bersifat pembangunan setempat dan memberi faedah masyarakat."

Apakah Datuk berpuas hati dengan pencapaian daripada segi penyelidikan mengenai lebah tersebut?

Saya berpuas hati kerana penyelidikan mencambahkan minat yang mendalam dan pendedahan sejak kecil lagi. Hobi saya menjadi kerjaya untuk mata pencarian hidup. Tidak ramai yang mendapat peluang sedemikian.

Apakah perkara paling membanggakan dan paling mengecewakan Datuk sejak penglibatan dalam penyelidikan ini?



DR. MAKHDZIR MARDAN telah terlibat dalam penyelidik lebah sejak empat dekad.

Paling membanggakan adalah hasil penyelidikan saya telah menghasilkan pasukan multidisiplin dan mendapat ruang penerbitan dalam jurnal *Nature* pada tahun 1988. Satu pencapaian cemerlang di persada dunia sains antarabangsa.

Sebahagian daripada impak penyelidikan lebah saya menjadi punca mata pencarian hidup dan ibadat kepada

ramai penternak.

Impak yang mengharukan saya ialah apabila ada penternak yang menyatakan melalui penternakan lebah, dia dapat membeli tanah pertanian dan dapat mengumpulkan pendapatan untuk menunaikan ibadah haji.

(Tapi) saya agak kecewa kerana institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) lebih menekankan impak penyelidikan

kepada penerbitan dan kurang bersifat pembangunan setempat dan memberi faedah masyarakat.

Saya juga kecewakan apabila melihat projek penyelidikan ini tidak mendapat peruntukan untuk diteruskan disebabkan tiada pembiayaan daripada penyedia dana walaupun ramai mereka dalam bidang perubatan dan farmaseutikal ingin turut serta. Kesyukuran atau kelestarian usaha tidak ditekankan untuk bakat baru dan kepentingan sentiasa berubah.

Apakah kepentingan penyelidikan mengenai lebah pada masa ini?

Kerelevanan penyelidikan lebah dan pendebungaan kini amat diperlukan bagi pembangunan lestari dan perubahan iklim. Hasil penyelidikan dalam bidang lebah ini telah sebahagiannya dimanfaatkan oleh industri penternakan lebah.

Mampu kita melahirkan ramai pakar seperti Datuk?

Penting sekali langkah memupuk bakat dilaksanakan dan berlandaskan minat dan bukan semata-mata untuk mendapatkan kerja dan penerbitan sahaja. Dorongan untuk mendapatkan kerja dan gaji amat sempit dan kurang membantu memacukan minat untuk ilmu dan tuntutan Allah kepada kita.

Datuk kini di Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA). Apakah matlamat Datuk di persatuan tersebut, Nyatakan kepentingannya.

Saya ke MPOA atas persaraan wajib di UPM dan perkhidmatan saya diperlukan oleh industri kelapa sawit. Pemikiran yang kritis dan saintifik adalah asas kepada kemajuan dan pembangunan masyarakat dan teknologi.